

PM akan jumpa semua *p-hailing*

Oleh OMAR ZIN

omar.zin@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim akan memanggil kesemua syarikat pengendali *p-hailing* bagi memberikan penjelasan terhadap beberapa isu dihadapi penghantar makanan dan barang ketika ini.

Ini selepas salah seorang penghantar makanan mendakwa kadar penghantaran ketika ini semakin menurun daripada RM7 ke bawah, sekali gus mengurangkan pendapatan mereka.

Justeru, beliau meminta Perdana Menteri supaya membantu mereka mencari jalan penyelesaian terhadap isu ini.

“Bagi saya satu minggu, saya panggil semua syarikat *p-hailing*, saya akan jumpa di pejabat Perdana Menteri, saya tetapkan masa dan sampaikan pandangan saudara bahawa kadar itu terlalu rendah.



ANWAR Ibrahim beramah mesra bersama sebahagian penunggang *p-hailing* yang hadir Program Temu Anwar Selangor dan Belia P-Hailing di Laman Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), semalam. - MINGGUAN/AMIR KHALID

“Saya kena panggil syarikat ini dan tanya dia sebab apa kadar menurun. Itu dia kena

terangkan kepada Perdana Menteri, sekurang-kurangnya ini boleh ringankan beban saudara.

Itu janji saya, bagi saya seminggu, saya akan buat, insya-Allah,” katanya dalam program Temu

Anwar bersama Belia *P-Hailing* di Petaling Jaya, semalam.

Pada masa sama, beliau mengumumkan peruntukan RM1 juta bagi menubuhkan sekretariat *p-hailing* dalam usaha menyelaraskan kegiatan ekonomi gig dan pekerja tidak formal.

“Perlu ada sekretariat atau jawatankuasa untuk penyelarasan semua pemandu *p-hailing* supaya ia berterusan, saya tidak mahu sekadar one off jadi untuk menyelaraskan kegiatan gig, saya dulukan RM1 juta hari ini.

“Ini penting sebab kalau tidak, ia jadi tidak selaras. Kita tahu ada masalah pinjaman, masalah kemudahan, insurans, jadi saudara selaraskan perkara ini, pilih jurucakap, siapkan sekretariat, ambil staf sepenuh masa supaya mereka boleh dihubungi,” katanya.

Katanya, dengan adanya sebuah sekretariat, ia membolehkan kerajaan membantu warga *p-hailing* dengan lebih efektif.